

**KOMITMEN GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL (MINOR)
KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH DALAM
PENGAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL
DI SEKOLAH RENDAH**

ALIZA BINTI ANTHONY ABET

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN SENI)**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Februari 2009

Aliza Anthony Abet
M20062000340

PENGHARGAAN

Rasa syukur yang tidak terhingga kepada Tuhan yang Maha Kuasa kerana cinta kasih dan izin-Nya, saya dapat menyelesaikan disertasi ini.

Ucapan terima kasih yang teristimewa kepada;

Prof. Dr Tjetjep Rohendi Rohidi, penyelia utama kajian saya kerana tunjuk ajar, dedikasi dan sokongannya. Malah bimbingan beliau membuahkan hasil yang tidak ternilai bagi saya.

Puan Jamilah Omar, penasihat akademik saya yang banyak memberi semangat dan nasihat sejak awal semester saya memulakan pengajian. Juga Dr Md Nasir Ibrahim yang amat komited dengan tugas dan tanggungjawabnya.

Guru-guru yang terlibat langsung dalam kajian kerana sumbangan yang besar kepada disertasi ini dan guru besar, murid-murid serta kakitangan sekolah yang memberi kerjasama.

Penghargaan juga kepada kakitangan akademik dan kakitangan sokongan dari Fakulti Seni dan Muzik serta Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang.

Suami tercinta, Leonard yang sangat memahami, membantu dan memberi inspirasi dalam menyelesaikan disertasi ini. Semua ahli keluarga yang banyak berdoa, memberi dorongan, pengorbanan dan memberi segala bentuk sokongan. Bapa, Anthony Abet yang beberapa kali bersama-sama mengharungi kesejukan pagi dan hujan dengan memandu botnya sendiri serta abang, Alphonsus yang sanggup mengambil cuti hari kerjanya untuk menemani perjalanan lebuhraya ulang-alik saya dengan kereta ke lokasi-lokasi kajian. Ibu, Helen Jarak yang tidak henti mendoakan kejayaan dan kesejahteraan anak-anak serta keluarga.

Tidak lupa, anak saudara saya Sunita yang menjadi '*babysitter*' kepada anak saya sepanjang tempoh kajian ini. Rakan-rakan terutamanya Roziah dan pelajar di mana pun berada yang memberi semangat.

Tanpa semuanya, adalah mustahil disertasi ini dapat diselesaikan. Terima kasih. Saya amat menghargainya. Semoga semuanya sentiasa diberkati Tuhan dan beroleh kesejahteraan di mana sahaja berada.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui komitmen guru Kursus Perguruan Lepas Ijazah-Sekolah Rendah dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah yang telah mengambil mata pelajaran ini sebagai salah satu opsyen mata pelajaran minor semasa mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru. Kajian juga bertujuan menerokai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran berkenaan serta mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen guru terbabit. Subjek kajian terdiri daripada tiga guru iaitu dua guru wanita yang masing-masing sedang mengajar di sekolah bandar serta luar bandar dan seorang guru lelaki yang sedang mengajar di sekolah pedalaman. Model Konseptual Pendidikan Guru digunakan sebagai lensa melihat komitmen guru dari perspektif yang holistik. Model tersebut menjadi panduan kerangka kerja untuk meneroka komitmen dengan guru terbabit yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai guru. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan semakan dokumen, pemerhatian, temu bual dan soalan bertulis sebagai instrumen untuk mengumpul data. Dalam kaedah pemerhatian, jadual borang matrik penyeliaan bimbingan praktikum PR1, Bahagian Pendidikan Guru yang disesuaikan, juga diguna dengan merujuk juga kepada petunjuk tahap dari sumber yang sama. Didapati komitmen guru dalam pelaksanaan dan pengajaran adalah pada tahap sederhana, yang mana masih perlukan peningkatan. Kajian juga mendapati faktor utama iaitu pengaruh persekitaran dan kurang menerima pendedahan berkaitan mata pelajaran mempengaruhi komitmen guru KPLI-SR opsyen minor dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah.

ABSTRACT

The purpose of this study was to explore the commitment of visual art teacher's of Post Graduate Teaching Course in teaching Visual Art Education at primary school. Those teachers had been required to take Visual Art Education as one of their optional subjects or as a minor subject during their study at Teacher's Institute of Education. This study explored the teaching and learning practice of the subject done by the teachers and the factors that influenced their commitment. The subject of the study comprised of three primary school teachers which are two female and one male. One of those female teacher teaches at town area, another at rural area and one male teacher teaches at inland areas. The Conceptual of Teacher Education model was chosen as the lens through which to view teacher commitment from a holistic perspective. The model provided guidance to the frame work for exploring the phenomenon of commitment with the participants which consist of the knowledge, skill and values aspects. The documents analysis, observations, interviews and some written questions were used to gather data related to this qualitative study. A matrix form that was based on practicum guidelines and supervision at Teacher's Institute of Education was also used in the observation. The finding of this study revealed that the teacher's commitment at teaching practice are at moderation stage and still need improvement. The study revealed the main factor that influenced the teachers' commitment in teaching Visual Art Education at primary school are their environment and due to lack of exposure to the subject.

KANDUNGAN

Muka surat

HALAMAN JUDUL	
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah.....	6
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian.....	12
1.6 Signifikan Kajian.....	13
1.7 Batasan Kajian.....	15
1.8 Kesimpulan.....	16
BAB 2	18
TINJAUAN LITERATUR	18
2.1 Pengenalan	18
2.2 Kurikulum Pendidikan Seni Visual	19
2.2.1 Kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah rendah.....	22
2.2.2 Kurikulum Pendidikan Seni Visual (minor) KPLI-SR	25
2.2.3 Keperluan Pengajaran Pendidikan Seni Visual kepada kanak-kanak	28
2.2.4 Peranan guru dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual.....	37
2.2.5 Komitmen guru	40
2.3 Tinjauan kajian lepas.....	42
2.4 Kerangka Konsep	45

2.4.1 Model Konseptual Pendidikan Guru	46
2.5 Model Kerangka Kajian	48
2.6 Kesimpulan.....	50
BAB 3	51
METODOLOGI KAJIAN.....	51
3.1 Pengenalan	51
3.2 Reka bentuk kajian	51
3.3 Subjek Kajian	53
3.4 Prosedur Kajian	54
3.5 Teknik pengumpulan data dan instrumentasi.....	57
3.5.1 Pemerhatian.....	58
3.5.2 Temu bual.....	63
3.5.3 Soalan Pelbagai Pilihan Kurikulum Pendidikan Seni Visual KBSR	64
3.5.4 Semakan Dokumen	66
3.6 Matriks pengumpulan data	67
3.7 Kesimpulan.....	68
BAB 4	70
PROFIL GURU	70
4.1 Pengenalan	70
4.2 Sekolah Guru A, B dan C.....	70
4.2.1 Sekolah Kebangsaan Asyakin - Guru A	72
4.2.2 Sekolah Kebangsaan Abang Abdul Rahman - Guru B.....	73
4.2.3 Sekolah Kebangsaan Saint Luke Nanga Baoh – Guru C	74
4.3 Latar belakang Guru A, B dan C.....	75
4.3.1 Guru A di SK Asyakin	76
4.3.2 Guru B di SK Abang Abdul Rahman	77
4.3.3 Guru C di SK St. Luke Nanga Baoh	79
4.4 Kesimpulan.....	81
BAB 5	82
DAPATAN KAJIAN.....	82
5.1 Pengenalan	82
5.2 Guru A.....	83
5.2.1 Menjawab soalan pelbagai pilihan kurikulum PSV KBSR	83
5.2.2 Membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran	84
5.2.3 Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.....	85
5.2.4 Penilaian Hasil kerja murid.....	90
5.2.5 Penampilan diri	97
5.2.6 Penglibatan dalam kerja dan rakan sejawat	97
5.2.7 Inisiatif guru bagi menambah ilmu berkaitan mata pelajaran.....	98
5.3 Guru B	98
5.3.1 Menjawab soalan pelbagai pilihan kurikulum PSV KBSR	98

5.3.2	Membuat catatan pelajaran harian dalam buku rekod mengajar.....	99
5.3.3	Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.....	100
5.3.4	Penilaian Hasil kerja murid	103
5.3.5	Penampilan diri	112
5.3.6	Penglibatan dalam kerja dan rakan sejawat	112
5.3.7	Inisiatif guru bagi menambah ilmu berkaitan mata pelajaran.....	112
5.4	Guru C	113
5.4.1	Menjawab soalan pelbagai pilihan kurikulum PSV KBSR	113
5.4.2	Membuat catatan pelajaran harian dalam buku rekod mengajar.....	113
5.4.3	Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran	114
5.4.4	Penilaian hasil kerja murid.....	118
5.4.5	Penampilan diri	120
5.4.6	Penglibatan dalam kerja dan rakan sejawat	121
5.4.6	Inisiatif guru bagi menambah ilmu berkaitan mata pelajaran.....	121
5.5	Pendapat guru berkaitan mata pelajaran.....	122
5.5.1	Pendapat Guru A.....	122
5.5.2	Pendapat Guru B	125
5.5.3	Pendapat Guru C	128
5.6	Rumusan Data.....	130
5.6.1	Komitmen guru Pendidikan Seni Visual.....	130
5.6.2	Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta implikasinya terhadap hasil pembelajaran	139
5.6.3	Faktor yang mempengaruhi komitmen guru	143
5.6.4	Sikap guru dan faktor yang mempengaruhi	152
5.7	Kesimpulan	157

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN	160
6.1 Pengenalan.....	160
6.2 Kesimpulan	160
6.2.1 Komitmen guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual	161
6.2.2 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual serta implikasinya terhadap hasil pembelajaran	163
6.2.3 Faktor-faktor mempengaruhi komitmen guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.....	165
6.3 Cadangan	169
6.4 Penutup	170

RUJUKAN	171
----------------------	------------

LAMPIRAN

Jadual 2.2.2	Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah Kombinasi Major Dan Minor	27
Jadual 3.5.1	Matriks Pemerhatian	60
Jadual 3.5.3	Soalan Kurikulum Pendidikan Seni Visual KBSR	65
Jadual 3.7	Matriks Pengumpulan Data	68
Jadual 4.2	Kedudukan Sekolah Guru A, B dan C	72
Jadual 4.3.3	Maklumat Latar belakang Guru A, B dan C	80
Jadual 5.6.1.	Rumusan umum aspek komitmen guru	139
Jadual 5.6.2	Perbandingan tahap pelaksanaan pengajaran guru	142

SENARAI RAJAH

Rajah		muka surat
Rajah 2.4.1	Model Konseptual Pendidikan Guru, KPM 2002	47
Rajah 2.5	Model Kerangka kajian	49

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan membolehkan kita menambah kemahiran dan kebolehan seseorang dalam memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi, mempertajam pemikiran yang kritikal serta kreatif dan mempertingkatkan akhlak. Namun yang pasti, kekuatan sesuatu sistem pendidikan itu juga boleh bergantung kepada aspek keberkesanan dan amalan pelaksanaannya dan anggota penggerak, umpamanya. Kurikulum pendidikan program perguruan pula perlu lebih dinamik dan sentiasa diubah suai supaya guru sentiasa dilengkapi dengan ilmu baru dan sikap positif ke arah sistem pendidikan negara yang berkualiti. Program keguruan dihasratkan bertujuan memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru untuk melahirkan guru yang profesional, berketrampilan, berdaya tahan, berakhlak mulia, mengamalkan nilai-nilai murni, berdaya fikir dan cekap teknologi.

Pengubahsuaian kurikulum dari masa ke semasa juga menuntut para pendidik guru perlu lebih progresif untuk melahirkan guru permulaan yang cekap teknologi dan yakin menghadapi cabaran serta mempunyai komitmen yang tinggi dalam profesion yang diceburinya. Selaras dengan itu, Kursus Perguruan Lepas Ijazah adalah antara langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk merealisasikan penempatan guru siswazah mengajar di sekolah rendah atau menengah. Penempatan guru siswazah di sekolah rendah bertujuan untuk meningkatkan kualiti perguruan serta mutu pendidikan di sekolah rendah. Kualiti perguruan yang menjurus kepada maksud peningkatan tahap ilmu guru sementara mutu pendidikan merujuk kepada impak kepada murid-murid di sekolah rendah. Program ini terbuka kepada individu yang telah memiliki ijazah pertama dari mana-mana universiti pengajian tinggi awam atau yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, berkecualan serta berminat untuk memasuki bidang perguruan dan akan mengikuti program latihan selama 11 bulan di Institut Pendidikan Guru. Calon akan dinilai juga kelayakannya melalui Ujian Mtest (*Malaysian Educators Selection Inventory*) dan dipanggil temu duga sekiranya terpilih serta ditawarkan mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru setelah memenuhi kelayakan setiap tahap tersebut.

Program Kursus Perguruan Lepas Ijazah-Sekolah Rendah (KPLI-SR) buat pertama kali diperkenalkan di Institut Pendidikan Guru pada Januari tahun 2003 (dulu dikenali sebagai maktab perguruan). Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan institusi latihan keguruan di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia dan dikawal selia oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG). BPG menentukan dasar manakala IPG akan melaksanakan latihan keguruan pra dan

dalam perkhidmatan di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah atau apa-apa kelayakan lain yang ditetapkan. Penganugerahan dilakukan oleh Bahagian Pendidikan Guru. Tujuan utama penubuhan IPG ialah untuk memartabatkan profesion keguruan dengan melahirkan guru-guru berkualiti, mahir, bertanggung jawab dan bangga menjadi pendidik. Institut Pendidikan Guru terdiri daripada 27 buah Institut Perguruan keseluruhannya di seluruh Malaysia.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu kurikulum yang wajib diajar di peringkat pendidikan sekolah rendah negara ini. Pengajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bertujuan memberi peluang kepada murid memupuk minat, memperkembang keperibadian, memberi kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian dan alam sekitar serta kaitannya dengan mata pelajaran lain. Murid di sekolah rendah pada keseluruhannya adalah kreatif, ekspresif dan aktif berdasarkan huraian kurikulumnya (KPM, 2002). Maka inilah juga antara cabaran yang harus disedari oleh bakal guru yang akan mengajar di sekolah rendah.

Keseluruhannya Bab Satu ini akan menghuraikan gambaran tentang kajian bermula dengan latarbelakang, pernyataan masalah, tujuan, persoalan kajian, signifikan dan batasan kajian. Manakala Bab Dua seterusnya pula akan menghuraikan beberapa perkara berkaitan kurikulum Pendidikan Seni Visual, komitmen guru, tinjauan kajian-kajian lepas dan kerangka konsep kajian ini.

1.2 Latar belakang Kajian

Mulai 2006 kesemua 27 Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia hanya mengendalikan program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) pengkhususan sekolah rendah dan pra-sekolah, sementara program KPLI atau juga dikenali sebagai Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) pengkhususan sekolah menengah dikendalikan oleh institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam. Kursus Perguruan Lepas Ijazah Pengkhususan Sekolah Rendah (KPLI-SR) telah diperkenalkan untuk melatih guru siswazah dalam bidang perguruan sekolah rendah mulai tahun 2003. Menurut Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Dr. Sharifah Nor Puteh sewaktu ucapan Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru 2004, pengisian kurikulum latihan perguruan perlu proaktif dan bercorak futuristik supaya generasi yang memperoleh pendidikan melalui sistem persekolahan mampu menghadapi cabaran masa depan serta menyempurnakan tanggung jawab diamanahkan kepada mereka. Menurutnya, langkah itu antara isu serta cabaran dihadapi oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dalam melaksanakan kurikulum latihan perguruan kini. Bahagian berkenaan juga berusaha memastikan kurikulum latihan perguruan berupaya menentukan hala tuju pendidikan di sekolah. Sehubungan itu, program Kursus Perguruan Lepas Ijazah pengkhususan Sekolah Rendah (yang kemudiannya disebut sebagai KPLI-SR dalam penulisan ini) akan diberi perhatian dengan mempertingkatkan kualiti serta pelaksanaan kurikulumnya dan selaras dengan dasar kementerian juga untuk melatih lebih ramai guru siswazah sehingga mencapai keperluan sekurang-kurangnya 50 peratus di sekolah rendah menjelang 2010.

Tahap pemikiran guru KPLI-SR dalam tempoh 11 bulan mengikuti kursus akan membantu memainkan peranan penting yang konstruktif dalam amalan pendidikan guru dan pelajar pada masa hadapan. Penyesuaian diri guru dengan kehendak tanggung jawab dan persekitaran adalah hal yang perlu diberi penekanan. Sepertimana menurut Khuan dan Omar (2005) yang menulis, “ bagi menyesuaikan diri dalam hidup, manusia perlu sentiasa berikhtiar dan mencuba pendekatan-pendekatan dan perkara-perkara baru. Barulah manusia dapat mengasah dan menajamkan pemikirannya bagi mengawal dan menguasai persekitaran yang sentiasa berubah-ubah. Oleh yang demikian, pendidikan berkualiti tinggi harus menggalakkan penerokaan pelbagai alternatif pemikiran, jawapan dan pemahaman mendalam yang kreatif.” (ms.6)

Demikian juga halnya dengan peranan guru dalam melaksanakan kurikulum pendidikan yang dipertanggung jawabkan sudah pasti menuntut kebijaksanaan guru dalam menyesuaikan dengan persekitaran. Penyesuaian diri dalam kalangan guru KPLI-SR sendiri yang daripada pelbagai latar disiplin ilmu dengan kehendak tanggung jawab dan persekitaran adalah hal yang perlu diberi perhatian. Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang wajib diajar kepada semua tahap murid sekolah rendah dari peringkat prasekolah sehingga tahun enam ini tidak ketinggalan juga ditawarkan dalam kumpulan subjek opsyen major dan minor kepada guru dalam pengajian di peringkat Institut Perguruan. Sudah tentu dilihat menuntut komitmen tinggi guru terbabit. Selain memperlihatkan perubahan dan perkembangan dalam pendidikan kini iaitu apa yang perlu disedari oleh guru KPLI-SR adalah penyampaian kurikulum mata pelajaran seni peringkat sekolah rendah juga memerlukan kelayakan tahap ijazah.

Maka seharusnya guru KPLI-SR perlu berpegang pada prinsip tanpa mengira disiplin ilmu guru, tanggung jawab harus dilaksanakan. Bermula daripada saat memohon kursus, mengikuti kursus keguruan dan menjawat jawatan maka seharusnya penyesuaian diri telah berlaku serta tanggungjawab tersebut dipikul. Guru KPLI-SR juga seharusnya menghayati elemen profesionalisme keguruan dalam melaksanakan kurikulum pendidikan yang diamanatkan.

1.3 Pernyataan Masalah

Laporan kajian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2000) tentang pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah mendapati kebanyakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual kurang dilaksanakan dengan berkesan. Berbagai-bagai isu yang ditimbulkan, termasuklah tenaga pengajar yang kurang berkecuali. Selain itu adalah berkaitan persepsi pihak pentadbir sekolah, guru-guru dan ibubapa terhadap mata pelajaran tersebut yang beranggapan ia kurang penting dan membebankan pelajar sekolah dengan penambahan mata pelajaran tersebut diambil oleh pelajar. Kajian Harmer (2001) tentang pelaksanaan pengajaran mata pelajaran tersebut di sekolah rendah juga adalah berkisar tentang isu mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang kurang diberi perhatian sama ada dalam kalangan tenaga pengajar sendiri mahu pun pihak pentadbir sekolah. Persoalannya, apakah tanggapan sedemikian juga akan mempengaruhi amalan

pelaksanaan pengajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah dalam kalangan guru KPLI-SR yang baru mengajar di sekolah? Walaupun berdasarkan kurikulum mata pelajarannya, mata pelajaran Pendidikan Seni Visual hanya perlu diajar dalam masa satu jam setiap minggu dan tidak dimasukkan sebagai mata pelajaran dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tetapi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah mata pelajaran yang wajib diajar kepada semua murid-murid pada peringkat sekolah rendah bermula tahun satu hingga tahun enam di negara ini.

Pada awal tahun 2003, apabila Kursus Perguruan Lepas Ijazah pengkhususan sekolah rendah (KPLI-SR) ditawarkan kepada lepasan ijazah di Institut Perguruan adalah lazim seandainya ramai mempunyai tanggapan tertentu apabila lepasan KPLI mengajar di sekolah rendah berbanding di sekolah menengah. Umpamanya tentang taraf kelayakan mereka mengajar tahap pelajar yang sepatutnya. Bagaimanapun, kebimbangan yang ketara adalah sudah pasti tentang lokasi yang akan ditempatkan mengajar lebih lagi ke kawasan pedalaman berbanding di sekolah menengah. Namun akhir-akhir ini keraguan ini menurun memandangkan bertambahnya bilangan lepasan ijazah memohon kursus perguruan tanpa mengira apa opsyen mata pelajaran yang ditawarkan di Institut Perguruan. Dalam situasi begini tidak hairan timbul persoalan keikhlasan niat dan cita-cita kerjaya sebenar diri guru KPLI sedangkan pelajar-pelajar yang sememangnya mengambil program pendidikan di IPTA pun sering dipersoalkan kesungguhan dalam profesion keguruan.

Ramai yang menganggap kerjaya perguruan ini merupakan salah satu kerjaya yang diceburi sebagai batu loncatan sahaja. Ramai yang memilih kerjaya perguruan ini setelah gagal memasuki bidang-bidang lain dan guru menjadi pilihan

mereka yang terakhir (Daisy & Obura, 1974; Yahya & Zainuddin, 2003). Tidak hairan jika timbul tanggapan KPLI-SR adalah pilihan terakhir siswazah sebagai kerjayanya. Maka persoalannya sejauhmana pula kesungguhan guru KPLI-SR dalam menguasai keseluruhan kandungan kurikulum pendidikan, baik yang dijalani di Institut Perguruan dan kandungan kurikulum yang akan diajari di peringkat sekolah rendah. Kandungan keseluruhan kurikulum sudah pasti merangkumi pengetahuan isi kandungan pelajaran, pengetahuan pedagogi serta beberapa lagi perkara berkaitan yang bukannya sedikit dan boleh diambil mudah.

Bagi calon guru KPLI-SR yang ditawarkan dengan gandingan kumpulan opsyen mata pelajaran major dan minor yang menjadi subjek kegemaran mungkin akan lebih komited dalam pembelajaran mata pelajaran-mata pelajaran tersebut di peringkat Institut Perguruan lagi. Namun apa pula sebaliknya bagi sesetengah calon guru KPLI-SR yang terpaksa menerima mata pelajaran tersebut sebagai kumpulan mata pelajaran minor untuk melengkapi kumpulan opsyen subjek major dan minor yang ditawarkan oleh pihak Institut Pendidikan Guru berkenaan (Jadual 2.2.2). Pihak Institut Perguruan menawarkan opsyen major yang bersesuaian dengan kelayakan bidang ijazah guru namun penawaran mata pelajaran minor yang perlu mereka ambil adalah ditentukan oleh pihak Institut dan Bahagian Pendidikan Guru (KPM, 2003). Maka tidak hairanlah kadang-kadang akan timbul rasa kurang puas hati di kalangan calon guru terbabit kerana subjek major yang ditawarkan umpamanya, Matematik tetapi digandingkan dengan subjek Pendidikan Seni Visual sebagai salah satu subjek minor. Ini adalah kerana selain satu subjek major, mereka perlu mendalami dua subjek minor iaitu samada Bahasa Inggeris, Sains, Pendidikan Jasmani atau Kemahiran Hidup. Pilihan subjek minor lain itu boleh

dilihat agak berkait rapat dengan subjek major namun subjek Pendidikan Seni kurang berkaitan. Alasan kurang berminat semenjak dari bangku sekolah menengah lagi antara yang diberikan atau mungkin seseorang siswazah dari bidang yang agak berbeza, umpamanya bidang perniagaan atau matematik.

Calon guru KPLI-SR adalah daripada pelbagai disiplin ilmu seperti jurusan pertanian, undang-undang, pentadbiran awam, akauntan, perbankan atau pengajian perniagaan. Masing-masing adalah siswazah dalam bidang masing-masing yang mula menceburkan diri dalam bidang pendidikan dengan mengikuti kursus KPLI dalam tempoh 11 bulan di Institut Pendidikan Guru. Disiplin ilmu yang dimiliki sedia ada mungkin berbeza dengan penguasaan ilmu pengajaran yang akan mereka aplikasikan di sekolah rendah. Bagaimana pula dengan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang merupakan mata pelajaran wajib pada semua tahap murid di sekolah rendah?

Kajian Salleh Abdul Rashid (2006) bertajuk “Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum dan Pengajaran”, mendapati guru yang dikategorikan sebagai berpengalaman juga masih tidak dapat menguasai sepenuhnya ilmu pengetahuan yang dipelajari walaupun telah beberapa tahun mengajar mata pelajaran opsyen masing-masing. Sementara guru baru pula didapati mempunyai pedagogi yang terbatas bagi menentukan keberkesanan pengajaran di bilik darjah. Menurut Salleh juga, pengetahuan guru yang kukuh akan dapat membantu pelajar yang diajar memahami dengan lebih baik konsep dan proses menimba ilmu sebagai sesuatu subjek di sekolah jika disulam dengan pedagogi terbaik dan terpilih.

Kedudukan subjek Pendidikan Seni Visual sebagai subjek minor di Institut Pendidikan Guru tidak boleh dijadikan alasan untuk mengabaikannya kerana kurikulum pendidikan mensyaratkan seorang guru harus menguasai tiga mata pelajaran sekolah rendah termasuk dua subjek minor bagi melengkapkan keperluan diri mengajar di sekolah rendah serta memenuhi konsep sekurang-kurangnya menjadi guru am sekolah rendah (KPM, 2003). Maka bagaimanakah tahap kemantapan pada peringkat diri guru KPLI-SR sendiri dalam penguasaan keseimbangan ketiga-tiga domain kognitif, afektif dan psikomotor dalam pendidikan itu sebelum disampaikan kepada peringkat murid yang bakal diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual? Iaitu sebagaimana yang disebut dalam tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang harmonis dari aspek lahiriah dan rohaniyah.

Sejauh mana pula guru KPLI-SR dapat menguasai ketiga-tiga mata pelajaran serta mencapai objektif kurikulum dalam tempoh 39 minggu? Tempoh 39 minggu diperuntukkan tersebut adalah merangkumi satu minggu pengurusan pelajar baru, 24 minggu interaksi kuliah, 12 minggu praktikum, satu minggu refleksi dan satu minggu peperiksaan akhir. Jumlah jam kredit bagi subjek major adalah lapan kredit sementara subjek minor masing-masing empat kredit iaitu adalah bersamaan 60 jam waktu interaksi. Tempoh minggu yang diperuntukan itu termasuk program 10 hari untuk lawatan pengalaman berasaskan sekolah di sekolah rendah, program perkhemahan Bina Insan Guru tiga hari dua malam serta lain-lain program kokurikulum wajib yang melibatkan aktiviti di luar kawasan serta program rasmi institut bagi guru pelatih tersebut. Anggarannya dapatlah dikira sebagai 11 bulan keseluruhan tempoh pengajian (KPM, 2003).

Pengalaman mengajar atau inisiatif sentiasa mahu belajar guru KPLI-SR itu sendiri kelak antara cara yang dilihat dapat menyelesaikan kekangan masa seperti yang disebut di atas. Namun berapa ramai wujudnya kalangan guru KPLI-SR yang bermotivasi dan berfikiran positif itu dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual kelak? Terdapat juga guru KPLI-SR yang hanya ditawarkan mengajar subjek major sahaja atau subjek lain yang tidak sama sekali berkaitan dengan pengkhususannya sejak mula berkhidmat di sekolah. Apa jadi jika berlaku hingga bertahun-tahun sehingga tiada ruang lagi untuk guru perlu ambil tahu tentang mata pelajaran minor Pendidikan Seni Visual yang pernah dipelajari semasa di Institut Pendidikan Guru.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengetahui komitmen sekumpulan guru Pendidikan Seni Visual Kursus Perguruan Lepas Ijazah pengkhususan Sekolah Rendah (KPLI-SR) yang mengambil subjek Pendidikan Seni Visual sebagai opsiyen minor semasa mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru. Pada masa kajian ini dijalankan, masing-masing mengajar mata pelajaran berkenaan di sekolah rendah. Penyelidik meneroka komitmen guru terbabit dalam pengajaran mata pelajaran tersebut dengan bertumpu hanya kepada tiga orang guru. Pengkajian ingin mengetahui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut dibuat ke atas murid-murid kelas yang diajar dan implikasinya. Di samping mengenal pasti

faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen guru dalam pelaksanaan pengajaran Pendidikan Seni Visual guru KPLI-SR terbabit. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan konsep ketiga-tiga aspek nilai, kemahiran dan pengetahuan dalam model konseptual pendidikan guru sebagai memperlihatkan penerokaan ke atas komitmen guru-guru yang terlibat.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab persoalan utama berikut:

1. Bagaimanakah komitmen guru PSV (opsyen minor) kursus Perguruan Lepas Ijazah pengkhususan sekolah rendah (KPLI-SR) dari Institut Perguruan dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual?
2. Bagaimanakah guru Pendidikan Seni Visual tersebut melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual serta implikasinya terhadap hasil pembelajaran?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen guru KPLI-SR tersebut dalam pelaksanaan pengajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah?

1.6 Signifikan Kajian

Setakat ini usaha mengkaji pelaksanaan pengajaran dan komitmen guru Pendidikan Seni Visual (opsyen minor) KPLI-SR di sekolah rendah kurang meluas lagi dijalankan di Bahagian Pendidikan Guru. Ada pun terdapat kajian-kajian yang dijalankan oleh para pensyarah dan sarjana yang lain tetapi kebanyakan kajian-kajian tersebut menyentuh tentang pemantauan keberkesanan program praktikum atau amalan guru pelatih KPLI-SR semasa mengikuti pengajian atau latihan di Institut Perguruan. Ia tidak bertumpu kepada persoalan kajian yang penyelidikan kaji. Misalnya kajian Rosmawati dan Rahmah (2005) yang mengkaji amalan pedagogi guru Pendidikan Seni Visual KPLI-SR dalam membantu guru pelatih melaksanakan kerja kursus. Kajian Aeria, Low, Norehan, Norijah, Omar dan Lau (2005) juga adalah berkaitan penilaian program praktikum KPLI-SR. Sementara Yahya dan Zainuddin (2003) pula membuat kajian tentang amalan etika profesion perguruan dalam kalangan guru sekolah rendah. Kajian Harmee (2001) menjurus kepada aspek pelaksanaan iaitu pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Seni di sekolah rendah: isu dan persoalan yang tidak sesuai. Adapun kajian Noriah dan Norsakinah (1999), Fletcher (2007), Mohammad Zohir dan Nordin (2007), Salleh (2006) dan Joffres dan Haughey (2001) berkaitan dengan komitmen guru namun adalah tidak menjurus kepada subjek dan bertumpu kepada aspek-aspek tertentu sahaja.

Hasil kajian ini diharap dapat memberikan gambaran terhadap amalan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Seni Visual di sekolah rendah. Diharap semua pihak terutamanya warga pendidik akan menyedari pentingnya pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang berkesan kepada pertumbuhan serta

perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor murid-murid pada peringkat sekolah rendah lagi. Dengan itu, hasil kajian juga akan menyumbang kepada keperluan sebagai suatu perspektif tambahan kepada pihak-pihak tertentu sama ada di peringkat sekolah rendah, penggubal kurikulum, Institut Perguruan serta Bahagian Pendidikan Guru khususnya yang mana boleh dianggap sebagai sumbang saran dengan niat kebaikan semata-mata.

Penyelidik melihat kajian akan memberi manfaat kepada warga pendidik dan bakal pendidik yang terlibat terutamanya kalangan guru KPLI-SR dalam membuat penilaian tertentu dari segi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran atau dari aspek kelemahan dan kekuatan ke arah peningkatan kualiti profesionnya. Apa pun keperluannya atau sudut mana ia dilihat, diharap ia dimanfaatkan untuk kepentingan anak didik di sekolah dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti.

Sebagaimana menurut Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof dan Abdul Rahim (2006), penyelidikan pendidikan bertujuan memecahkan masalah-masalah yang berkaitan dengan kualiti proses pendidikan dan pengajaran, kualiti atau mutu hasil pendidikan yang efisien, elektif dan relevan. Penyelidikan ini tidak bermaksud mengembang ilmu sahaja tetapi memperbaiki dan menyempurnakan latihan pendidikan di mana bidang kajian yang biasa diselidiki adalah berkaitan kurikulum dan sistem pendidikan, sistem pengajaran, prasarana pendidikan, media dan teknologi, penilaian dan perpustakaan sekolah dan lain-lain.

Keseluruhannya, kajian ini merupakan salah satu usaha ke arah meningkatkan pelaksanaan kurikulum pendidikan yang berkualiti khususnya di Institut Perguruan terutamanya berkaitan dengan kurikulum Pendidikan Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran wajib serta aspek berkaitan pelaksanaan